

11 AUG 2001

SIRIM-e-JARI

SISTEM CANGGIH, "e-JARI" DALAM PASARAN DUA ATAU TIGA BULAN LAGI

Oleh: Emillia Rosnizar

KUALA LUMPUR, 11 Ogos (Bernama) -- Sebagai satu langkah mengadakan keselamatan pengenalan tahap lebih tinggi, empat orang pereka Malaysia telah menghasilkan satu sistem kawalan akses kesan jari canggih yang dikenali sebagai 'e-jari'.

Ia amat mudah -- tiada kad, tiada nombor pengenalan peribadi (PIN) dan tiada kunci, cuma menggunakan ibu jari.

Dalam semangat "Malaysia Boleh", e-Jari telah berjaya dimajukan oleh Dr Zulkiflie Ibrahim, Gooi Chye Seong, Hasmafatiha Harun dan Norlaila Omar daripada Pusat Instrumentasi dan Elektronik Perindustrian (INTEC) di SIRIM Bhd.

Sistem e-Jari ini membolehkan pengesahan pengenalan seseorang itu dibuat secara elektronik.

Pengurus besar INTEC Hj Mohd Nasir Hj Abdul Wahid berkata, kemunculan e-Jari adalah sejajar dengan inisiatif yang hangat diperkatakan dalam Koridor Raya Multimedia (MSC).

"e-Jari boleh memainkan peranan bagi menyokong agenda MSC yang diusahakan oleh kerajaan," katanya dalam satu temubual dengan Bernama.

e-Jari menggunakan biometrik. Menurut Kumpulan Biometrik Antarabangsa 2001, teknologi ini merujuk kepada penggunaan berautomasi ciri-ciri fisiologi dan tingkah laku untuk menentukan atau mengesahkan identiti.

Dengan menekan ibu jari seseorang pada satu peranti dalam sistem tersebut, e-Jari boleh mengesahkan indentiti seseorang itu untuk menentukan bahawa dia adalah seorang pengguna yang sah.

Mohd Nasir berkata, SIRIM telah memaju dan memperkenalkan sistem pengurusan masa kod bar untuk kegunaan dalam sektor kerajaan dan juga sektor swasta pada tahun 1995.

Disebabkan oleh kekangan-kekangan yang ada pada sistem kod bar daripada segi keselamatan dan keupayaan menyimpan data, sistem berasaskan kad pintar telah diperkenalkan pada tahun 1991 sebagai alternatif bagi aplikasi yang lebih canggih, tambahannya.

Produk kad pintar ini telah diiktiraf dan diterima serta telah memenangi anugerah dalam pertandingan-pertandingan reka cipta kebangsaan dan antarabangsa.

"Dalam usaha kami untuk memperbaiki sistem ini agar lebih tinggi tahap keselamatannya dan kemudahan kepada pengguna, penyelidikan dan pembangunan yang meluas telah dijalankan bagi memajukan satu sistem kawalan akses biometrik, dan akhirnya, e-Jari muncul buat kali pertamanya pada 28 Julai 2001 semasa lawatan rasmi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke SIRIM," jelasnya.

INTEC telah membelanjakan sejumlah RM150,000 daripada RM250,000 bagi projek itu dalam lapan bulan lalu. Projek itu dibiayai melalui Tabung Program Penumpuan Penyelidikan Dalam Bidang-bidang Keutamaan (IRPA) di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

"e-Jari adalah satu daripada kejayaan-kejayaan tabung IRPA," kata Mohd Nasir.

Katanya, terdapat produk-produk pengenalan yang serupa di luar negara tetapi bezanya ialah Malaysia merupakan negara pertama yang menggunakan teknologi pengawal mikro yang benar-benar terpendam dalam aplikasi biometrik.

"Bila kita bercakap tentang pesaing kita, kebanyakan kereka menggunakan sistem berasaskan PC (komputer peribadi)," katanya.

e-Jari, katanya, telah berjaya mengatasi kerumitan-kerumitan yang terdapat pada sistem-sistem sebelumnya yang menggunakan kad bermagnet, kodbar atau kad pintar, terutama apabila PIN dan kata laluan tidak dapat diingati atau diceroboh, atau jika kad tersebut hilang atau dicuri.

Terdapat beberapa jenis biometrik yang berlainan termasuk imbasan retina dan imbasan suara. Bagi e-Jari, ia menekankan cap jari.

Mohd Nasir berkata sistem laluan keselamatan itu adalah aplikasi pertama yang cuba diperkenalkan oleh INTEC.

"Pada masa ini, ramai orang bercakap tentang laluan keselamatan untuk memasuki kawasan kawalan tertentu. Jika kita gunakan kad pintar dan kad pintar kita pula hilang dan dijumpai oleh orang lain, dia boleh memasuki kawasan kawalan itu.

"Tetapi, dengan e-Jari, tidak boleh buat begitu, terpaksa guna ibu jari sendiri, dan inilah bidang di mana kita mempunyai kawalan," jelas beliau.

Menurut Mohd Nasir, INTEC telah menerima sambutan yang menggalakkan daripada bakal pelanggan-pelanggan seperti jabatan-jabatan kerajaan, bank dan industri pembuatan yang memuji rekaan tersebut.

"Setakat ini kami telah menerima lima pertanyaan. Dalam dua atau tiga bulan lagi, kita boleh lihat mereka menggunakan e-Jari. Ini akan menjana pendapatan bagi INTEC," katanya.

INTEC masih lagi sedang menentukan harga yang sesuai. Secara kasarnya, ia berharga sekitar RM2,000 setiap satu. Ini dianggap murah berbanding sistem-sistem berasaskan PC lain, yang dijual dengan harga lebih RM10,000.

Mohd Nasir berkata, INTEC juga merancang untuk memajukan e-Jari bagi aplikasi-aplikasi lain seperti sistem pengurusan masa dan akses kepada komputer.

Contohnya, sistem kada perakam waktu pengurusan masa yang diperkenalkan pada tahun 1992 telah disalah gunakan, kerana kad-kad boleh ketipkan bagi pihak orang lain.

Tetapi, dengan e-Jari yang berteknologi lebih tinggi ini, ini tidak akan berlaku lagi kerana tidak ada cara untuk membolehkan sesiapa pun masuk tanpa menekan ibu jarinya sendiri pada pengesan.

"Satu lagi bidang di mana e-Jari boleh diguna pakai ialah dalam perbankan, khususnya bagi mesin juruwang automasi (ATM). Telah banyak kali berlaku kejadian orang mencuri wang daripada pihak lain. Dalam hal ini, e-Jari boleh digunakan untuk membanteras penipuan." -- BERNAMA

ER SHY KY OS